



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BERWASPADA SEWAKTU MEMBERI DAN MENGUTIP DERMA”

17 Disember 2021 / 12 Jamadil Awal 1443

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ⁴ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang berjaya di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

“BERWASPADA SEWAKTU MEMBERI DAN MENGUTIP DERMA”

Derma atau sedekah mempunyai maksud yang luas dalam Islam. Secara ringkasnya, derma boleh ditakrifkan sebagai pemberian oleh seseorang kepada orang lain, sama ada pemberian kepada sanak saudara, fakir miskin, anak yatim, mahupun untuk kepentingan *fi sabilillah*, dengan niat ikhlas untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Berderma dan bersedekah merupakan amalan sangat mulia yang dianugerahi Ilahi dengan ganjaran pahala berlipat kali ganda, berpandukan firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ^٥
وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ^٤

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



Terjemahannya: Perumpamaan bagi orang yang mendermakan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas lagi Maha Mengetahui.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Alhamdulillah, rakyat Malaysia terkenal dengan sifat pemurah, bersedia menghulurkan derma dan sedekah sama ada berbentuk wang atau barangan kepada orang-orang yang memerlukan. Namun kita juga perlu berhati-hati sewaktu menderma, kerana pada masa ini, dilaporkan semakin berlaku, perbuatan orang-orang dan kumpulan tertentu yang mengambil kesempatan atas sifat murah hati manusia. Terdapat orang-orang yang menyalahgunakan kegiatan mengutip derma untuk kepentingan peribadi. Kegiatan memungut derma kini mula dijadikan satu kegiatan penipuan sebagai jalan mudah untuk mendapat dana.

Antara kaedah yang dilakukan ialah mempergunakan kanak-kanak, warga emas dan warga asing mengutip derma kononnya bertujuan untuk membina masjid, madrasah tahfiz, asrama anak yatim, prasarana kebajikan dan kemudahan sosial, termasuk misi bantuan luar negara, berselindung atas nama Islam dan misi kemanusiaan. Demikian juga, munculnya pelbagai rayuan, melalui laman sosial yang dikendalikan oleh pelbagai sindiket, yang menggunakan nama pertubuhan berjenamakan Islam, kebajikan dan kemanusiaan, memohon ihsan orang ramai menyalurkan bantuan, ke dalam akaun bank tertentu, untuk tujuan membantu pesakit-pesakit yang kononnya sedang terlantar dan daif, serta perlu mendapat rawatan segera perubatan.

Akhbar, baru-baru ini melaporkan 14 orang telah ditahan, kerana disyaki terbabit dalam sindiket penipuan kutipan sumbangan dalam talian, mengguna nama pusat kebajikan anak yatim serta orang kurang upaya (OKU).

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Menyalahgunakan kegiatan mengutip derma memberi kesan dan akibat berikut:

Pertama; Kutipan derma tidak sampai kepada golongan yang berhak menerimanya, kerana hak mereka sudah diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Apatah lagi jika harta yang diambil tersebut ialah harta anak-anak yatim! Perbuatan memakan harta anak yatim merupakan dosa yang mendapat celaan daripada Allah SWT. Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 10:



إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا

Ertinya: Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan (bara) api ke dalam perut mereka; dan kemudian mereka akan dimasukkan ke dalam api neraka yang menyala-nyala.

Kedua; Terhakisnya kepercayaan masyarakat terhadap badan-badan agama dan kebajikan.

Ketiga; Menjejaskan kepercayaan dan sokongan masyarakat kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang telah sekian lama sahlah melakukan kerja-kerja amal dan kebajikan secara ikhlas dan jujur.

Keempat; Menghidupkan budaya menipu dalam kalangan ahli masyarakat.

Sesungguhnya menyalahgunakan kutipan derma merupakan perlakuan dosa yang dijanjikan tempat dalam api neraka di akhirat kelak. Sabda Nabi SAW:

لَا يَزُوبُ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ إِلَّا كَانَتْ النَّارُ أُولَىٰ بِهِ.

Maksudnya: Tidak ada daging yang tumbuh daripada sesuatu yang haram, melainkan nerakalah (tempat) yang layak baginya. (Riwayat At-Tarmizi 614)

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Seksyen 43 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992, menyatakan, “**Sesiapa yang membuat apa-apa pungutan kerana khairat tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Negeri atau berlawanan dengan apa-apa peruntukan undang-undang atau peraturan yang ditentukan mengenainya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi 3000 ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya**”. Mahkamah boleh memerintahkan semua pungutan dirampas dan diserahkan kepada yang berhak atau kepada Baitulmal.

Enakmen berkenaan secara jelas menetapkan kesalahan kepada pengutip-pengutip derma yang cuba mengaut keuntungan peribadi dengan cara yang salah. Mimbar seyogianya memperingatkan para penderma yang budiman agar memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut sebelum menghulurkan sebarang derma;

Pertama; Memastikan terlebih dahulu kegiatan kutipan derma oleh mana-mana pihak atas nama agama Islam telah mendapat surat kebenaran daripada Majlis Agama Islam Negeri yang berkenaan.



Kedua; Pengutip derma atas nama Islam, mesti membawa kad kuasa atau surat kebenaran yang disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri sebagai bukti kesahihan urusan kutipan derma yang dilakukan.

Ketiga; Pengutip derma hanya menggunakan satu tabung khas dan bukannya membawa beberapa tabung sampingan untuk mengawal berlakunya sebarang penyelewengan.

Keempat; Dalam keadaan yang meragukan, penderma hendaklah menyemak kesahihan urusan kutipan derma daripada Majlis Agama Islam Negeri atau pihak-pihak berkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pegawai Daerah, Pegawai Tadbir Agama atau Baitulmal Daerah, Pejabat Penghulu atau Pegawai Masjid.

Kelima; Mengutamakan pemberian derma kepada tabung dan pertubuhan yang sahah memiliki akaun yang telah mendapat kebenaran memungut derma daripada pihak-pihak berkuasa tertentu seperti Kementerian Kewangan, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ عَلَى إِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى إِرْشَادِهِ وَامْتِنَانِهِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶، الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسِّرَاجِ الْمُنِيرِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُوا إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ، يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ وُلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، وَيَا كَاشِفَ الْوَبَاءِ، إِصْرِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْأَمْرَاضَ وَالْأَسْقَامَ وَالْفِتْنَ وَالْمَحَنَ، وَأَزِلْ عَنَّا وَعَنْهُمْ الشُّكُوكَ وَالْأَوْهَامَ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat; jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.